

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Ekonomi Malaysia kian pulih

# Ekonomi Malaysia kian pulih

Ahli Ekonomi Anthony Dass berpendapat ekonomi Malaysia semakin menuju ke arah pemulihan hasil daripada tadbir urus yang jelas, peningkatan keyakinan pengguna dan perniagaan domestik serta libat urus yang semakin bertambah baik bersama pelabur asing serta komuniti perniagaan tempatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dass berkata selain itu, kos hidup dan kemudahan menjalankan perniagaan juga agak bertambah baik sedikit.

Antaranya, beliau berkata kadar pengangguran yang susut kepada 3.5 peratus pada Mei 2023 daripada kemuncak 5.3 peratus pada Mei 2020, asas perbelanjaan yang meningkat kepada RM141.80 (dalam talian setiap RM100 asas) pada Mei 2023 berbanding RM77.50 pada April 2020 dan peningkatan pinjaman bagi perniagaan kepada 113.0 mata (asas 100) pada Mei 2023, berbanding 101.6 mata pada Disember 2020.

Selain itu, ketersediaan pinjaman perniagaan pada Mei 2023 berada pada 113 mata (asas 100 mata pada Januari 2020) berbanding 101.6 mata yang dicatatkan pada

Disember 2020, katanya.

“Sekarang, isu pekerja asing juga sudah semakin baik,” kata Dass ketika diminta mengulas mengenai prospek ekonomi Malaysia selepas Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyemak semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 kepada tiga peratus pada Selasa.

IMF dalam laporan Tinjauan Ekonomi Dunia terbaharunya mengunjurkan pertumbuhan KDNK sebenar global sebanyak tiga peratus pada 2023, meningkat 0.2 mata peratusan daripada unjurannya pada April, namun mengekalkan prospek bagi 2024 tidak berubah, juga pada tiga peratus.

“Ini dianggap positif bagi KDNK Malaysia. Buat masa sekarang, kami tidak mengubah sebarang unjuran KDNK bagi Malaysia sehingga pelan rangsangan China dapat dilihat dengan lebih jelas lagi.

“Makanan, bahan (komoditi seperti minyak

sawit serta getah) dan, sudah tentu, sektor minyak sewajarnya menjadi senarai penerima manfaat terbesar (apabila ekonomi China bertambah baik),” tambahnya.

Bagaimanapun, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd Mohd Afzani-zam Abdul Rashid berpandangan bahawa Malaysia masih belum lagi pulih.

Beliau berpendapat jangkaan pemulihan bertahap dalam ekonomi utama bo-

leh menyuntik sedikit keyakinan bahawa negara kita juga bakal melalui laluan yang sama.

“Namun begitu, risiko terhadap inflasi masih tinggi disebabkan kemungkinan ketegangan di Ukraine dan keadaan

cuaca yang tidak menentu yang boleh memberi tekanan ke atas harga, terutamanya makanan.

“Ini, seterusnya, boleh menyebabkan bank pusat terus mengetatkan lagi monetari mereka,” katanya.

BERNAMA



Anthony Dass